

Rekoh

Dirujuk oleh

- [Raja Berayun / Borayun / Brayun / Jabarayun](#)
- [Raja Alang bin Raja Berayun](#)
- [Sejarah Awal Bangi](#)
- [Hutan Simpan Bukit Tunggul](#)
- [Sempadan Selangor-Negeri Sembilan \(1863-1880\)](#)
- [1906-11-05: The Bangi Rubber and Tin Properties](#)
- [1915-06-30: Kindersley Brothers @ Ladang Balgownie](#)
- [WS-HL-2023-S2: Peranan Syed Abdul Rahman di Rekoh Semasa Perang Rawa 1848: Berdasarkan Laporan Douglas](#)
- [WS-HL-2023-S3: Cebisan Sejarah Rekoh](#)

Perihal

Lokasi

Lokasi Rekoh: *"Bila saya baca buku A History of Selangor 1766-1939 oleh J.M. Gullick, saya mendapat maklumat bahawa pada akhir abad ke-19 yang lalu, di hujung Jalan Reko, berhampiran dengan setesyen komuter Bandar Baru Bangi dan UKM yang ada sekarang, ada sebuah pekan kecil bernama Rekoh. Nama Rekoh ini ada dalam peta daerah Ulu Langat (sekarang Hulu Langat) abad ke-19. Sebuah sungai kecil berhampiran dengan UKM dan berhampiran dengan bekas tapak pekan Rekoh sehingga sekarang masih bernama Sungai Rekoh."* (Andin Salleh @ Mohd Salleh Lamry, 2012:


|
"Dari mana asal nama Jalan Reko?").

"Kajang started as a market place in 1860s where goods and produce were exchanged. Exploration for tin had been the main attraction in pulling migrants from Sumatra and Hakka labourers into Hulu Langat. Earliest recorded site of tin mining was at Rekoh, about 4 km from present Kajang. This is how Jln Reko, the road leading to UKM got its name. Frank Swettenham visited Rekoh in 1875 described the town had been a glorious place." (Kajang Heritage Centre 乌鲁冷岳社区文物馆, 21 April 2020:

|
"Kajang, a Tin Mining Town").

"Lee (Kim Sin) said much of Kajang's history dating back to 1850s had been lost – Reko, the oldest settlement traced here, had "the best shops and houses of the time" according to the first British High Commissioner of Malaya Sir Frank Swettenham, but none of that can be seen now." (Yip Yoke Teng @ The Star, 28 Jan 2019:

|
"Modern look is a defaced facade").



Lokasi Rekoh (sekitar bulatan hijau), 1904 dan kini.

Kiri: Peta tahun 1904 (Edinburgh Geographical Institute, 1904 @ Yale University Library - Digital Collections:

"Selangor, Federated Malay States, 1904 / John Bartholomew & Co ; W.T. Wood, chief draftman").

Kanan: Peta kini ([Mapcarta](https://www.mapcarta.com)).

1580-1799: Penerokaan Warga Temuan

Sebagaimana keseluruhan kawasan negeri Selangor amnya, pada mulanya Kajang dan kawasan sekitarnya diterokai dan didiami oleh masyarakat Temuan (Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA):

"Suku Kaum Orang Asli Semenanjung Malaysia". Menurut suatu sumber lisan: "Menurut sumber lisan, Jalan Reko mendapat nama disebabkan kawasan ini dahulunya terdapat banyak buah 'serengkoh'/'serengkung' iaitu buah dari sejenis pokok renik di kawasan ini. Orang asli dari suku Temuan yang mula-mula meneroka kawasan ini telah menamakannya 'Rekoh'. Kini, setelah melalui perubahan masa, perkataan 'Rekoh' telah menjadi 'Reko' sahaja." (Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko, 2020:

"Wawasan Edisi ke-24: SEJARAH SEKOLAH", m.s.15).

Antara tahun-tahun penerokaan sekitar Kajang yang ada disebutkan:-

- **1580:** "Perkataan Kajang lahir daripada beberapa sumber berikut : Pendapat Pertama : Adalah dipercayai Kajang telah diterokai oleh orang-orang suku Temuan kira-kira tahun 1580 lagi. Suku inilah yang memberi nama Kajang berdasarkan sejenis mengkuang hutan yang digunakan

untuk membuat atap yang tumbuh dengan banyaknya di kawasan itu.” (Majlis Perbandaran Kajang, 2013:

"Asal-Usul Nama Kajang").

- **1709:** “Terdapat beberapa cerita lisan berkenaan dengan penerokaan awal pekan Kajang dan kawasan sekitarnya. Menurut orang-orang tua, Kajang dan kawasan sekitarnya sebelum didatangi peneroka-peneroka dari luar adalah merupakan kawasan kediaman orang-orang asli dari Suku Temuan. Menurut seorang pengkaji sejarah tempatan En. Shahabudin Ahmad, Kajang telah diterokai pada tahun 1709 oleh orang-orang asli yang berpusat di Klang. Pada waktu itu Klang diperintah oleh orang-orang asli yang ketuanya dipanggil Batin Seri Alam. Ketua ini mentadbir di Klang kerana ketika itu hutan ini adalah pusat pentadbiran bagi orang-orang asli. Klang mempunyai jajahannya yang tersendiri yang ditadbirkan oleh 3 orang anak kepada Batin Seri Alam.” (Majlis Perbandaran Kajang:

"Info Kajang"). Ada sumber yang mengatakan nama “Kajang” tercipta di pekan Rekoh, yang telah pun wujud sebelumnya: “Ada juga sumber-sumber lain yang menerangkan asal kejadian Kajang. Sumber tersebut menyatakan bahawa suatu ketika dulu terdapat dua orang sahabat menaiki sampan melalui Sungai Langat untuk pergi ke Pekan Reko. Mereka adalah terdiri dari seorang Melayu dan seorang Asli yang mendiami kawasan Reko. Apabila sampai ke Kajang, (ketika itu belum bernama kajang), hujan turun dengan lebatnya. Orang Melayu mengajak rakannya ' berkajang ' di situ. Menurut cerita itu ' berkajang ' bagi orang Melayu ialah berteduh, tetapi orang Asli tersebut memahami ' berkajang ' itu sebagai bertikam. Disebabkan salah faham akan maksud rakannya itu maka orang Asli terus menikam rakannya. Dengan peristiwa bertikam itu maka tempat itu dinamakan Kajang.” (MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj), 2006:

"SEJARAH KAJANG").

- **1799:** “Terdapat beberapa versi tentang asal-usul Kajang. Hampir semua hipotesis mengenai kewujudan Kajang bertitik-tolak daripada etimologi berdasarkan nama pondok berkajang atap mengkuang yang didirikan oleh peneroka asal. Satu versi mengutarakan bahawa Kajang telah diterokai oleh 'orang asli' suku Temuan pada kira-kira 1580 (versi lain pada 1799) dan merekalah yang menamakan tempat itu 'Kajang'. Varian lain mengisahkan bahawa peneroka itu adalah seorang ketua orang asli bernama Batin Seri Alam atau Batin Berenggai Besi, dari Kelang atau Sungai Ujong.” (Abdur-Razzaq Lubis, 2021: ["Tarikh Raja Asal: Derap Perantauan Kaum Mandailing dari Sumatra ke Tanah Semenanjung"](#), m.s.224-225).

CATATAN: “Catatan pada laman web tersebut (Majlis Perbandaran Kajang) diambil daripada pengkaji sejarah tempatan Shahabudin Ahmad, 'Asal Nama Kajang Dan Sekitarnya', Minggu Sejarah Negeri Selangor 16-18 Julai, 1975, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Selangor (Buku Cenderamata).” (Abdur-Razzaq Lubis, 2021: ["Tarikh Raja Asal: Derap Perantauan Kaum Mandailing dari Sumatra ke Tanah Semenanjung"](#), m.s.225).

Selain Hulu Langat, Selangor, terdapat beberapa petempatan di sekitar rantau ini yang turut dinamakan sebagai “Rekoh”. Kebanyakannya terletak di kawasan pedalaman dan diduduki oleh peribumi tempatan:-

Negara	Negeri	Mukim/Daerah	Petempatan	Penduduk	Rujukan
Malaysia	Pahang	Lipat Kajang, Temerloh	Kampung Paya Rekoh	Jah Hut, Semoq Beri	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang, 2018: Penerbitan -> Profil Daerah -> PROFIL DAERAH PAHANG 2018, m.s.46 Nor Baiti binti Mustafa, 2013: "Tradisi dan kepercayaan orang Asli Jah Hut di Kampung Penderas, Temerloh", m.s. 6
Malaysia	Johor	Masai, Pasir Gudang	Kampung Rekoh, Sungai Rekoh	?	Majlis Bandaraya Pasir Gudang: "Ketua Kampung" Sunway University, 28 September 2021: "River restoration by Sunway College JB students").
Thailand	Narathiwat	Sukhirin / Su-ngai Padi	Rekoh	?	Sekitar Kampung Segu (kini sekitar Su-ngai Padi) dan Momang (kini sekitar Sukhirin): "Leaving Kampong Segu about 8.30 a.m. we rode to Rekoh, where I got down to stretch my limbs by walking over the Pass of Dan Popoh. It was about three miles long, and gave us a very pretty walk through moderately open jungle, the track continually crossing and recrossing streams, as it so frequently does in these parts. The path itself would have been a good one, but for one bad swampy patch, where it led through bamboo scrub on the Momang side of the divide." (C.A. Gibson-Hill, W. W. Skeat & Dr. F. F. Laidlaw @ Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society Vol. 26, No. 4 (164), 1953: "The Cambridge University Expedition to the North-Eastern Malay States, and to Upper Perak, 1899 - 1900", m.s.92).

Negara	Negeri	Mukim/Daerah	Petempatan	Penduduk	Rujukan
Indonesia	Kepulauan Riau (Kepri)	Desa Penaga, Teluk Bintan, Pulau Bintan	Kampung Rekoh	?	Antara News Kepri, 20 Julai 2023: "Warga Kampung Rekoh Bintan ziarah makam Datuk Julong pada 1 Muharram".

1820-an: Perlombongan Orang Rawa

Menjelang tahun 1820 (sezaman dengan [Raja Busu di Lukut](#)), [Juragan Abdul Rahman](#), seorang pedagang di Selat Melaka, telah membawa sekumpulan orang Rawa ke Linggi. Menantunya [Datuk Muda Katas](#) memiliki 5 buah lombong di Rembau dan Sungai Ujong. Menurut Khoo Kay Kim, beliau telah mengeksport hasil timah terus ke London melalui Hong Kong, tanpa melalui Singapura atau Pulau Pinang. Orang Rawa dibawa masuk bekerja lombong di sekitar Sungai Linggi (dahulu dikenali sebagai Batang Penar), menggunakan kaedah lampan (perlombongan cara tradisi). Namun sebahagian daripada mereka ini bergiat dalam aktiviti lanun dan rompakan. Oleh sebab itu, bagi menjaga keselamatan awam, Datuk Muda Katas menguatkuasakan semula undang-undang sungai di Sungai Linggi, yang menyatakan bahawa tiada kapal/perahu boleh belayar dari Maghrib sehingga Subuh. Pelanggaran terhadap larangan ini dihukum mati.

Sekitar tahun 1825-1826, Raja Labuh telah menggantikan Yamtuan Lenggang sebagai Yamtuan Besar Negeri Sembilan. Beliau bersikap prejudis terhadap orang Rawa, kesan pengalaman berperang dengan mereka. Ketika pemerintahannya, beliau telah menyerang dan menghalau seluruh orang Rawa keluar dari kawasan Rembau. Berikutan itu, kebanyakan orang Rawa melarikan diri ke bahagian utara, di sekitar Sungai Langat, meliputi daerah Rekoh, Beranang, dan Semenyih. Akibat daripada tindakan ini, beliau kemudiannya telah dimakzulkan (diturunkan takhta).

(Sumber: Mohd Khairil Hisham Mohd Ashaari, 23 September 2023: "[Wacana Sejarah Hulu Langat 2023: Peranan Syed Abdul Rahman di Rekoh Semasa Perang Rawa 1848: Berdasarkan Laporan Douglas](#)").

Menurut sumber-sumber lain:-

"Aktiviti melombong bijih timah di Kajang bermula di satu kawasan iaitu Reko atau Rekoh yang kini dikenali Kampung Sungai Tangkas yang menjadi daerah paling awal menjalankan aktiviti itu berbanding Kuala Lumpur. Di situ (Reko atau Rekoh) terdapat lombong dan masyarakat Mandailing tinggal di kawasan berkenaan. Orang Mandailing mengetuai aktiviti melombong bijih timah dan menjadi masyarakat pertama menjalankan aktiviti itu sekitar lewat 1840-an atau awal 1850-an." (Lee Kim Sin @ Harian Metro, Ogos 11, 2017:

"Bijih timah jutaan tahun").

"In Ulu Langat as in many parts of the Malay States, the first stir of commercial activity began with tin mining. An American prospector probably attempted mining for tin at Reko near Kajang in the 1840s (Wong, 1965: 32). This venture was soon abandoned and taken over by some Chinese." (Voon Phin Keong @ Malaysian Journal of Chinese Studies, Volume 2, No.2, 2013:

"Transforming the Development Frontier: Chinese Pioneers in the Ulu Langat District of Selangor,

Malaysia", m.s.7-8).



Lombong lampan (Kinta Tin Mining Museum, 10 April 2021:

"Mining method: Lampan (Ground Sluicing)").

1830-an: Pembukaan Kajang

Sementara itu, sekitar tahun 1830-an, terdapat beberapa riwayat pembukaan Kajang (di sebelah utara Rekoh), melibatkan To' Lili (Bugis dari Riau), dan [Raja Berayun](#) (dari Mandailing).

MAKLUMAT LANJUT: [Pembukaan Kajang](#)

1830-an: Pemukiman Raja Berayun

Latar Penghijrahan: Perang Padri (1816-1833)

Sejarah awal Raja Berayun (serta petempatan pertamanya, Rekoh) boleh dijejaki mulai dengan penghijrahan golongan Mandailing dari Sumatera pasca Perang Padri (1816-1833):-

"Sewaktu Perang Padri (1816-1833) berkecamuk di Sumatra, angkatan Minangkabau menyerbu Mandailing-Natal, kampung halaman bangsa Mandailing. Di mana-mana saja berlaku penjarahan dan kerusakan harta benda. Pihak kolonial Belanda melancarkan pula sistem eksploitasi ekonomi yang menyebabkan rakyat lebih melarat, sengsara dan miskin-papa.

Lantaran situasi yang tidak lagi dapat menjamin kelangsungan hidup, mereka terpaksa pindah secara besar-besaran ke Malaysia Barat kini atau Selangor khususnya yang disebut mereka sebagai "Kolang". Perpindahan massal mereka itu dalam abad 19 merupakan pola migrasi yang mendekati proporsi exodus.

Orang Mandailing yang sampai di Selangor (Kolang) mendirikan pemukiman, "mamungka huta", mengikut istilah mereka di pedalaman negeri Selangor. Bahagian pesisirnya, yang telah didiami oleh etnik Nusantara yang lain, sedapat-dapatnya dihindari. Perbukitan dan lembah yang menghiu,

cuaca yang sejuk menyegarkan seperti di Luat Mandailing, keadaan yang aman di pedalaman merupakan salah satu faktor yang menarik mereka tinggal di tempat yang jauh dari pesisir. Salah satu pemukiman keturunan suku Mandailing di pedalaman terdapat seputar Kajang. Pemukiman ini terkenal dengan nama Sg Kantan yang mungkin berupa kependekan Pakantan, suatu huta Mandailing hampir Kotanopan di Mandailing Julu dan yang warganya mayoritas Marga Lubis."

(Sumber: Haji Hanafiah Kamal Bahrin Lubis, 23 Ogos 2014:

"HORAS ! SEPUTAR DAN BERPUTAR-PUTAR DI JALAN RAJA ALANG,KAJANG,SEL.").

"The Padri raids and invasions into Rao, Mandailing and Angkola, Padang Lawas and the 'Bataklands' (circa 1816-1831), as well as Padri occupation (circa 1820-1835), resulted in the flight of political and economic refugees, as well as forced migration through slave trafficking. Notable events included the Padri destruction of Panyabungan in 1825, and the major Padri invasions which were carried northwards to the Toba lands in 1827 and 1829. Raja Barayun, who hailed from Pidoli Lombang near Panyabungan, could have migrated after 1825 following the devastation of his homeland." (Abdur-Razzaq Lubis, 2018: "Sutan Puasa: Founder of Kuala Lumpur", m.s.125).

Penghijrahan

"Dulu "Recko " merupakan satu lagi pemukimannya Mandailing seputar Kajang (kini Reko) .Raja Borayun ,Pendiri Kajang,pada suatu waktu,pernah menjadikan "Recko"basis ataupun bentengnya di pinggir Batang/Sungai Langat.Di sini telah bermukim warga imigran Mandailing yang substansial sekitar pertengahan abad 19 dahulu.

...


Pada umumnya turunan Mandailing marga Nasution dan Lubis tinggal di seputar Bandar Kajang, di samping marga Harahap dan Siregar (*Serigar). Masyarakat Mandailing itu dipimpin oleh Raja Borayun putera Mangaraja Tinating ,marga Nasution ,asal Pidoli Lombang, Mandailing Julu. Salah seorang cucu-cicitnya, Raja Ayub putra Raja Harun putra Raja Hidayat putera Raja Borayun menetap di rumah pusaka yang dibina Raja Harun di Lot 6747, Batu 14, Jalan Cheras, 43000 Kajang. Pusara Encik Nyonya Cantik, isteri Raja Borayun,ompung godang Raja Ayub,terdapat di Perkuburan Islam, Batu 14, Kajang.

Seperti dicatat sebelumnya, Raja Borayun merupakan namora atau raja Mandailing yang menjadi pimpinan komunitas Mandailing di Kajang dalam abad 19. Beliau dianugerahi gelar Tengku Panglima Besar oleh Sultan Abdul Samad yang mulai bersemayam di atas takhta Selangor pada tahun 1857.Raja Mandailing ini, turunan Mangaraja Saooloon Pidoli Lombang , merupakan pemain yang cukup penting di atas panggung politik Negeri Selangor dalam abad 19.

Besar kemungkinan, Raja Borayun sudah menetap di Kolang/Selangor sebelum Sutan Puasa (Sutan Na Poso) sampai di Kolang dari Tobang, Mandailing Julu kira-kira dalam tahun 1830-an. Kemungkinan juga seorang tokoh Mandailing yang lain, Ja Marabun Rangkuti (Bendahara Raja gelar Melayunya) mendampinginya dalam perjalanan ke Kolang. Bendahara Raja ternyata pertama kali menetap di Selangor sewaktu Sultan Muhammad bersemayam (1826-1857) (A.R. Lubis)"

(Sumber: Haji Hanafiah Kamal Bahrin Lubis, 23 Ogos 2014:

"HORAS ! SEPUTAR DAN BERPUTAR-PUTAR DI JALAN RAJA ALANG,KAJANG,SEL.").



Peta sebahagian Sumatera (Riau dan sekitarnya) dan Tanah Melayu (termasuk Mandailing-Natal, Rokan (Rambah-Tambusai), dll, sekitar 1900-an, sebagai ilustrasi perantauan orang-orang Sumatera ke Tanah Melayu: "Antique map of the East Coast of Sumatra. Also depicting the Strait of Malacca. This map originates from 'Atlas van Nederlandsch Oost- en West-Indië' by I. Dornseiffen." (Seyffardt's Boekhandel, Amsterdam, 1904 @ Barteley Gallery:

"MAP OF THE EAST COAST OF SUMATRA - DORNSEIFFEN C.1900").

LATAR PERISTIWA: Raja Berayun / Borayun / Brayun / Jabarayun

LATAR PERISTIWA: Raja Alang bin Raja Berayun

1848: Perang Rawa



WS-HL-2023-S2: Peranan Syed Abdul Rahman di Rekoh Semasa Perang Rawa 1848: Berdasarkan Laporan Douglas (Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, 23 September 2023: [Sumber rakaman asal \(tidak lagi disiarkan\)](#)).

Ringkasan pembentangan: [WS-HL-2023-S2: Peranan Syed Abdul Rahman di Rekoh Semasa Perang Rawa 1848: Berdasarkan Laporan Douglas](#).

Sekitar tahun 1848, [Dato Kelana Sendeng](#), ketika itu penghulu Sungai Ujong, juga seorang yang bersikap prejudis terhadap orang Rawa. Dalam suatu kes yang tidak dapat dikenalpasti puncanya, beliau telah menangkap 3 orang Rawa lalu dijatuhkan hukuman mati. Pemimpin Orang Rawa di bawah [Raja Berayun](#) di Rekoh memohon Dato Kelana Sendeng untuk melepaskan atau meringankan hukuman, namun ditolak. Ini mencetuskan kemarahan orang Rawa di situ, dan sentimen ini telah merebak ke Klang dan juga Pahang.

Rentetan itu, [Raja Berayun](#) telah menemui [Syed Abdul Rahman](#) (beliau juga tinggal di Rekoh ketika itu), untuk mendapatkan bantuan dalam serangan terhadap Dato Kelana Sendeng. Syed Abdul Rahman ketika itu adalah musuh Dato Kelana Sendeng (sebelum ini beliau ingin jadi Dato Kelana, tetapi gagal). Beliau bersetuju membantu (kemungkinan dari sudut kewangan), dengan syarat orang Rawa mesti menyokong beliau untuk menjadi Dato Kelana bagi menggantikan Dato Kelana Sendeng kelak. Maka perlakulah perang saudara Rekoh-Sungai Ujong (perang besar bagi orang Rawa, kerana menentang keseluruhan luak, bukan Dato Kelana Sendeng saja).

Sementara itu, sebilangan orang Rawa di bawah [Tuanku Tambusai](#) di [Rasah, Sungai Ujong](#), tidak menyokong orang Rawa Syed Abdul Rahman di Rekoh, lalu membantu Dato Kelana Sendeng. Pada akhirnya, orang Rawa Rekoh kalah, dan Syed Abdul Rahman pun kembali ke Rekoh. Penglibatan awal Syed Abdul Rahman dalam konflik ini mungkin ada kesinambungannya dengan [konflik tahun 1874](#) yang menyebabkan [perjanjian beliau dengan British pada tahun 1874](#), diikuti Pemberontakan Rekoh (Rekoh Wreckage) pada tahun 1875 yang diakhiri dengan perjanjian damai dengan Sultan Abdul Samad, seterusnya [perjanjian penyerahan Rekoh dan Semenyih \(kepada Selangor\) serta Lukut \(kepada Sungai Ujong\) pada tahun 1878](#).

(Sumber: Mohd Khairil Hisham Mohd Ashaari, 23 September 2023: "[Wacana Sejarah Hulu Langat 2023: Peranan Syed Abdul Rahman di Rekoh Semasa Perang Rawa 1848: Berdasarkan Laporan Douglas](#)").



Kiri: Syed Abdul Rahman, 1879 (Arkib Negara Malaysia 2001/0026749W, 31/12/1879:

|
"DATO KELANA PETRA SYED ABDUL RAHMAN OF SUNGAI UJONG, SINGAPORE; C.1879"). **CATATAN:** Terdapat kajian yang mendapati gambar ini **BUKAN** gambar Dato Kelana Petra Syed Abdul Rahman, tetapi tokoh lain (Sumber: Mohd Khairil Hisham @ Facebook Izmal Karim, 21 April 2026: [Fotografi & Sejarah \(Ruangan Komen\)](#)).

Kanan: "Rumah kediaman Datuk Kelana Sungai Ujong, Sayyid Abdul Rahman pada tahun 1874. (Arkib Negara Malaysia)" (Legasi Pemikir - LEKIR, 24 Januari 2021: "[Rumah kediaman Datuk Kelana Sungai Ujong](#)").

Dari sumber-sumber lain:-

"Menjelang tahun 1848, Raja Borayun berhasil menjalin hubungan yang rapat dengan pembesar-pembesar Bugis yang berpengaruh di istana Selangor. Dalam pada itu beliau berhasil menggalang angkatan hulu-balangnya yang merupakan kesatuan kombatan yang kuat. Menyadari posisinya yang bertambah kuat itu, pada tahun 1848 Raja Borayun menyerang Sg. Ujong (Seremban) sebab Dato Klana Sendeng tidak membayar "duit nyawa" (blood money) sejumlah \$400 atas terbunuhnya seorang anak buahnya. Tentu saja masuk akal serangan itu diatur dan dilancarkan dari "Recko", pangkalan dan pemukiman Mandailing di Selatan Kajang yang tidak jauh dari Seremban."

(Sumber: Haji Hanafiah Kamal Bahrin Lubis, 23 Ogos 2014:

"HORAS ! SEPUTAR DAN BERPUTAR-PUTAR DI JALAN RAJA ALANG,KAJANG,SEL.").

Peristiwa serangan Raja Brayun terhadap Datoh Klana Sendeng, menurut anak beliau, Raja Alang (melalui wawancara dan tulisan J.C. Pasqual): *"At this time Raja Brayun, a Mendeleng from Sumatra, invaded Sungei Ujong and attacked Datoh Klana Sendeng, because a friend of Raja Brayun was murdered and Datoh Klana Sendeng refused to pay the blood money of \$400 according to the 'adat' Malayu. On the side of Raja Brayun there was Panglima Garang and Panglima Si Gara, both 'invulnerable' and fierce warriors, besides 500 fighting men. But he was defeated although he had bribed one of Datoh Kalan Sendeng's men with \$3,000 to burn the granaries and blow up a powder magazine. Raja Brayun then retired to Recko, a village on the Langat river a short distance upstream from Kajang, and invited Raja Abdulsamad to live with him. He built a stockade at Recko and had a large force of fighting men who lived by robbery and raiding Sakais to sell them into slavery."* (The Straits Times, 11 November 1934, Page 21:

"WHEN COCKFIGHTING WAS THE RAGE").

"Thomas Braddell in his note on the history of Negeri Sembilan enclosed with SS Despatch to the CO dated 29th December 1874, reveals the involvement of the Rawa (Rao) and Mandailing in the Rawa War of 1848. The latter were in Sungai Ujong (Seremban today) following the wake of the Padri War (1816-1833).

" The Rawa disturbances in 1848 are of sufficient importance to justify a few words giving an account of another and a most serious misfortune to the Sungai Ujong mine.

" The Rawa are an adventurous people with a strong turn for trade, living to the north east of the Pagarooyong (Menangkabowe) district, in the middle of Sumatra. They have long been in the habit of trading to the Peninsula, and have established Colonies in several places, the most important of which was at Pahang, where they almost monopolized the trade. The superiority of these people over the ordinary Malay give rise to jealousies which require them to be on their guard, and to combine for mutual protection, so that when any of the tribe are injured the rest are bound to assist in protecting them, a feature in their character which adds to the dislike of them entertained by the Malays; but being like the Chinese, good colonists, they are allowed to remain in the Malay countries.

" Causes of. - A number of the tribe had settled in Sungei Ujong, and were getting the chief portion of the local trade in their hands where three of them were put to death by the Klana for an alleged offence. The justice of the execution was denied by the trio, and they determined to exact vengeance. Assistance was sent for to Pahang, their head quarters, and open war was declared. This was said to have been the pretext for the war, but the truth probably was, that the many differences and jealousies between the two races had brought matters to such a state that it required very little to bring on a war.

" Result of. - The Rawa proved their individual superiority over the Malays during the war. But being few in numbers and distant from their resources they were at last obliged to retire; and they have not since been allowed to return to the country. The Rawas who are now in Sungei Ujong are said to be Tamoosai Rawas, and do not mix with the others, Rawa Ulu (or up country Rawas); in fact the Tamoosais sided with the Klana."

Here in this passage we have the first mention of the presence of the "Tamoosai" in the Peninsula in

the second quarter of the 19th century. There were probably two groups of people from Rao - the Mandailings and the Rao. Rao is the frontier country between Minangkabau and Mandailing. The Rao or "orang Rawa" as they are known in the Peninsula and in East Sumatra. The "Tamoosai Rawas" were Rawa from Tambusai, while Rawa Ulu (or up country Rawas) were probably Mandailing, whose homeland was to the north of Rao. Of course, this does not discount the Tambusai's presence, a distinct group in themselves.

The Mandailing involvement in the "Sungei Ujong" affair was confirmed by J.C. Pasqual who wrote about the episode in 1930s based on an account from "Raja Allang ibni Raja Brayun, who was a Forest ranger of the Ulu Langat district in the late 'eighties (1880's)". He implied that the Mandailings were not on the side of Dato' Klana but against him.

" At this time Raja Brayun, a Mendeleng from Sumatra, invaded Sungei Ujong and attacked Datoh Klana Sendeng, because a friend of Raja Brayun was murdered and Datoh Klana Sendeng refused to pay the blood money of \$400 according to 'adat' Malayu. On the side of Raja Brayun there was Panglima Garang and Panglima Si Gara, both 'invulnerable' and fierce warriors, besides 500 fighting men. But he was defeated although he had bribed one of Datoh Klana Sendeng's men with \$3,000 to burn the granaries and blow up a powder magazine. Raja Brayun then retired to Recko, a village on the Langat river a short distance upstream from Kajang, and invited Raja Abdulsamad to live with him. He built a stockade at Recko and had a large force of fighting men who lived by robbery and raiding Sakais to sell them into slavery."

Mandailings as well as Rawas raided Orang Asli and sold them into slavery. This is not to say that historically all Mandailings and Rawas were a party to this. Other Mandailings were also noted in British records as having employed Orang Asli."

(Sumber: Abdur-Razzaq Lubis dll @ mandailing.org, 2004-2006:

"The Rawa War of 1848").

1853: Tempat Perlindungan Raja Abdul Samad

Sekitar tahun 1853, Rekoh menjadi tempat perlindungan Raja Abdul Samad (10 tahun sebelum pertabalannya sebagai Sultan Abdul Samad pada tahun 1863):-

"Namun pada tahun 1853, istana Selangor digemparkan dengan kemangkatan mengejut ketiga-tiga putera sultan yang sedang berselisihan faham mengenai takhta diraja Selangor tanpa diketahui sebab-musababnya. Namun begitu tidak lama selepas itu sebuah angkatan tentera Bugis Selangor telah diarahkan menangkap anak saudara Sultan Muhammad Shah yang bernama Raja Abdul Samad yang juga merupakan menantunya setelah Raja Abdul Samad dikahwinkan dengan puteri baginda yang bernama Raja Aftah. Raja Abdul Samad pada masa itu tinggal di Langat bersama dengan bapanya Raja Abdullah bin Sultan Ibrahim Shah yang diberikan hak untuk menjaga dan mengutip cukai di sana. Apabila mendapat tahu dirinya diburu, Raja Abdul Samad pun meninggalkan Langat dan berlindung kepada Jabarayun di Kampung Reko. - The Sunday Times, 2 Dec 1934.

Apabila mendapat tahu Raja Abdul Samad sedang berlindung dengan Jabarayun di Ulu Sungai Langat, Sultan Muhammad Shah memberi amaran dan memerintahkan Jabarayun agar jangan campur tangan dengan memberi perlindungan kepada Raja Abdul Samad. Tetapi Jabarayun langsung tidak mengendakkannya. Lantaran itu Sultan Muhammad Shah pun mengarahkan angkatan tentera Bugis

supaya bersiap-sedia dengan 500 perahu perang di Kelang untuk menyerang Jabarayun di Kampung Reko.

'Recko was located in Selangor on the Langat River, but within a few miles of the Sungei Ujong border.' (121) – Burns (*The Journal of J.W.W. Birch*)

Apabila mendapat tahu angkatan tentera Bugis Selangor sedang dalam perjalanan untuk menyerang Kampung Reko, Jabarayun bersiap-sedia dengan 300 pengikutnya yang bersenjatakan kapak dan beliung. Jabarayun dan panglima-panglimanya merancang untuk menebang pokok-pokok tinggi di tengah hutan untuk merentangi Sungai Langat dan menghalang kemaraan perahu-perahu angkatan tentera Bugis. Dengan cara itu orang-orang Jabarayun boleh meluru untuk membunuh tentera-tentera Bugis yang terperangkap di tengah-tengah sungai itu.

Rombongan tentera Bugis itu bertolak dari Kelang dan memudiki Sungai Langat sehingga sampai dekat Kampung Dengkil sebelum berpatah balik ke Kelang secara tiba-tiba tanpa diketahui sebabnya. Akhirnya tiada serangan yang berlaku. Sejak itulah nama Jabarayun menjadi terkenal dan berpengaruh serta sangat ditakuti oleh pembesar-pembesar Bugis Selangor."

(Sumber: Mohamed Azli bin Mohamed Azizi @ Lembaga Adat Mandailing Malaysia (LAMA):

"Kuala Lumpur Siapa Punya?").

"Kuasa dan wibawa Raja Borayun makin terkonsolidasi setelah beliau berhasil memukul mundur angkatan yang bakal menyerangnya di "Recko" tanpa tempur berkuah darah. Awalnya Raja Borayun dimurkai Sultan Muhammad sebab menjalin persahabatan yang akrab dengan Abdul Samad, keponakan dan menantu Sultan. Lantaran tidak menghiraukan kemurkaan Sultan, beliau menghadapi serangan angkatan Istana Selangor yang kiranya akan menghabisinya sama sekali.

Angkatan istana sejumlah 500 buah perahu digalang di Kajang. Raja Borayun yang berada di "Recko" akan diserang dari sungai. Mujurlah Strategi Raja Borayun berhasil mematahkan serangan yang berbahaya dan mematikan itu. Kombat Mandailing yang heroik sejumlah 300 orang menebang pohon kayu dan merintangkannya di tengah sungai. Apabila perahu yang membawa angkatan penyerang terbentur di tengah sungai, mereka akan diamuki dan dibantai semuanya. Menyadari peristiwa pembantaian berkuah darah yang bakal menimpa, para penyerang puntang-panting mendayung perahu kembali ke Kajang."

(Sumber: Haji Hanafiah Kamal Bahrin Lubis, 23 Ogos 2014:

"HORAS ! SEPUTAR DAN BERPUTAR-PUTAR DI JALAN RAJA ALANG,KAJANG,SEL.").

Peristiwa serangan Sultan Muhammad terhadap Raja Brayun di Rekoh, menurut anak beliau, Raja Alang (melalui wawancara dan tulisan J.C. Pasqual): "In the reign of Sultan Mahomad he was afraid of Raja Abdulsamad (afterwards Sultan), his cousin, who he suspected would betray him and usurp the throne, and for this reason he ordered the arrest of Abdulsamad who field(fled) to Kajan(g), a village higher up the Langat river, and settled there. At this time Raja Brayun, a Mendeleng from Sumatra, invaded Sungei Ujong and attacked Datoh Klana Sendeng, because a friend of Raja Brayun was murdered and Datoh Klana Sendeng refused to pay the blood money of \$400 according to the 'adat' Malayu. On the side of Raja Brayun there was Panglima Garang and Panglima Si Gara, both 'invulnerable' and fierce warriors, besides 500 fighting men. But he was defeated although he had bribed one of Datoh Kalan Sendeng's men with \$3,000 to burn the granaries and blow up a powder

magazine. Raja Brayun then retired to Recko, a village on the Langat river a short distance upstream from Kajang, and invited Raja Abdulsamad to live with him. He built a stockade at Recko and had a large force of fighting men who lived by robbery and raiding Sakais to sell them into slavery. When Sultan Mahomad heard that Abdulsamad was living with Raja Brayun he sent a warning to Raja Brayun not to shelter Abdulsamad or have anything to do with him. As Raja Brayun paid no heed to his warning, the Sultan fitted up an expedition of 500 prahus from Kajang to attack Recko, and everybody warned Raja Brayun to be on his guard. On his part, Raja Brayun got together 300 men with axes and blongs with orders to fell the forest across the river on hearing the report of a gun, and to run amuck and massacre Sultan Mahomad's men if they attempted to cut through the blockade. Nothing happened as the expedition returned to Kajang." (The Straits Times, 11 November 1934, Page 21:

"WHEN COCKFIGHTING WAS THE RAGE").

1855: Pelombong dari Amerika

"...dikatakan ada orang Amerika yang telah membuka lombong bijih di Sungai Tangkas yang letaknya tidak jauh dari Rekoh dengan pengikutnya kira-kira 60 orang Orang Hitam. Akan tetapi mereka telah diserang oleh penduduk tempatan. Tiga orang orang Amerika dan setengah dozen buruh telah dibunuh dan rumah mereka telah dibakar. Pelombong yang lain berpindah untuk sementara ke Bagan Terendah, sebelum meneruskan usaha melombong di Kuala Langat." (Andin Salleh @ Mohd Salleh Lamry, July 18, 2013:

"Pekan Rekoh yang sudah lenyap").

Ringkasan Peristwa

"Pada akhir 1840an kira-kira sedozen orang putih Amerika bersama pengikutnya seramai 60 orang hitam (hamba Habsyi) datang ke Rekoh* (sekarang Reko berdekatan Kg. Sungai Tangkas - UKM Bangi) iaitu 6 batu dari sempadan Selangor - Sg. Ujong. Mereka memulakan operasi perlombongan yang berjaya di Rekoh. Bagaimanapun mereka tidak meminta izin dan berunding dengan Tok Perkasa (Tok Pawang Besar) yang kemudiannya mengadu hal tersebut pada Tok Bandar Lili (Pembesar Kajang) mengenai pelanggaran hak istimewanya (sebagai pembuka lombong) dan sikap kurang ajar pendatang asing membuka lombong tanpa kebenarannya. Tok Bandar Kajang bersimpati dengan beliau dengan itu beliau berpakat dan mengarahkan empat atau lima "orang Tambusai" membuat amuk. Serangan nekad itu berlaku pada waktu malam. Orang - orang Tambusai membakar rumah kongsi pelombong Amerika dan menikam apabila mereka keluar untuk cuba menyelamatkan diri. Orang - orang Tambusai berhasil membunuh tiga orang putih Amerika dan enam atau tujuh daripada kuli orang hitam mereka juga dibunuh. Yang terselamat melarikan diri dan berlindung seketika di Bagan Terendan dekat Pasangan, dan kemudiannya akhir mereka melarikan diri ke hilir ke Kuala Langat.

* Rekoh sebuah pekan perlombongan dibuka orang Melayu yang punya pekan, perkampungan, balai polis, hospital dan juga punya pengkalan yang kemudian lenyap dari sejarah, terutama apabila kuasa ekonomi perlombongan Melayu musnah apabila tamatnya Perang Saudara Selangor dan kemasukan British Selangor pada 1874. Dalam banyak catatan juga di eja sebagai Reko, Recko, Rakoh, nama tempat ini juga wujud di Sumatera Barat.

* *Orang Tambusai* - adalah gelaran bagi pengikut Tuanku Tambusai yang berhijrah ke Sg. Ujong dan Semenanjung daripada daerah Rokan Hulu, Riau Sumatera. Keturunan Tambusai di Hulu Langat masih menetap di sekitar Kampung Jenderam, Sg. Merab dan Kampung Bangi.

- Kisah ini punya dua versi berlainan- satu lagi adalah versi Raja Berayun mengarahkan ratusan pengikut membuat amuk pada 1850an. Sumber ini diterjemahkan dan disusun semula daripada buku *Selangor Journal & Sutan Puasa Founder Of Kuala Lumpur*. Catatan ajaizainal."

(Sumber: Faizal Zainal @ Facebook Pekan Bangi, 11 Ogos 2025: "[Sejarah Daerah Kita: Amuk Di Rekoh](#)").

Sumber akhbar

- "Looking through the *Selangor Journal* the other day, I came upon what is perhaps the most extraordinary episode in the history of European penetration of Malaya. Somewhere about the year 1855 a party of twelve Americans and 60 Orang Hitam (negroes) sailed up the Langat river, in Selangor, took possession of the village of Rekoh, and began mining at a place called Sungei Tangkas. They neglected, however, to obtain the permission of the district chief, with the result that the Malays launched a night attack, killed three Americans and six or seven negroes, and set fire to the wooden house in which they were living. The survivors fled downstream and made a fresh settlement near Passangan, but after a short stay they left the Langat river and were never heard of again." (The Straits Budget, 7 February 1935, Page 6:

"AMERICANS AT REKO").

old ways gave place to new. In the 1850s the American miners at Rekoh had spurned the services of the leading Malay *pawang* (magician) of Ulu Langat, who 'was of great fame ... reputed to have the power of turning stone, and vice versa'. Tradition told with relish how the expert got his revenge, though not by supernatural means.⁸⁵

About a dozen Americans with 60 orang hitam took possession of Rekoh and started a successful mine. But the Toh Pawang Besar (the great Medecine Man) complained to Toh Lili that they had not consulted him before opening the mine, that being his privilege. Toh Lili seemed to sympathise so he conspired with four or five orang Tembusai to run amuck. This they did in the dead of night and three Americans and six or seven of their followers were killed. First they set fire to the house and then stabbed their victims as they came out.

"An American prospector started a tin mine at Rekoh in 1855. However, the locals objected as he did not possess any consent and the venture was abandoned. There were altercations and eventually, the Americans left." (AKU BUDAK TELOK, Jun 15, 2021:

"KISAH SULTAN DAN NEGRO DI JUGRA DAN REKOH").

Sumber asal

"TRADITIONS OF ULU LANGAT

The following incidents are taken from statements made by Penghulus Raja Mahmud, of Semenyih, Said Yahya, of Cheras, and Jahya of Kajang, respectively, concerning the origin of the various settlements under their charge, and may be of interest to your readers. Of course I cannot be responsible for the statements made but have collected the information as it was otherwise likely to be lost, and as it may prove of some slight assistance to some future compiler of a history of the State." (1897: [The Selangor Journal: Jottings Past and Present, Volume 5](#), hlm.305-306).

"The Penghulu of Kajang states that Kajang is about 120 years old, and that it was founded by Toh (then Inche Lili, of Rio, under authority from Sultan Mohamad ibni-el Marhum Sultan Ibrahim, who had brought him as one of his following from Rio to Selangor." (1897: [The Selangor Journal: Jottings Past and Present, Volume 5](#), hlm.306-307).

"Before this, however, about a dozen Americans, with a following of some 60 Orang Hitam ("Blacks,") came upstream, took possession of Rekoh, and started successful mining operations at Sungei Tangkas (The date of the American settlement at Rekoh may perhaps be roughly put at 1855). As, however, they had not consulted the Toh Perkasa, otherwise known as Toh Pawang Besar (the "Great Medicine-man"), the latter sought out Toh Bandar Lili and complained bitterly of their infringement of his privilege (of "opening" mines). The Toh Bandar appeared to sympathise with him, and he therefore conspired with four or five "orang Tembusai", who after two or three days' interval "ran amuck" at the Americans by his orders, with the result that three of the Americans, and six or seven of their native followers were killed, the attack taking place by night, so that the assailants were able without difficulty to set fire to the house (which was built of planks) and stab the inmates as they came out. The survivors fled and established themselves for a time at Bagan Terendah near Pasangan, and subsequently made their way downstream to Kuala Langat. Subsequently the Toh Pawang (Perkasa) died at about 65 years of age and was buried at the "Old Farm" (Pajak Lama), near Rekoh, leaving behind a son named Pah Sirum, who is said to live at Lenggging. The deceased was of great fame throughout the country and was reputed to have the power of turning stone into ore, and vice versa." (1897: [The Selangor Journal: Jottings Past and Present, Volume 5](#), hlm.307).

Sumber makalah

"The Langat valley witnessed one of the most unusual episodes in the history of tin mining of this period, It began in the late 1840's with the arrival of an 'American gentleman' to inspect the thriving tin mines in Malacca territory; he went on to look at mining prospects 'in the Malayan states to the north and south,' and produced a 'very favourable' report likely to be 'duly appreciated by his enterprising countrymen, whose habit it is to plunge in medias res.' [28] However some years elapsed before 'about a dozen Americans with a following of some 60 Orang Hitam ('Blacks')' opened a mine at Sungei Tangkas near Rekoh (Ulu Langat) from which they 'got a considerable quantity of ore.' Even twenty years later their abandoned mine was 'a huge pond' with the remains of a 'good road' from the mine to Rekoh. However they did not employ the services of the 'Great Medicine-Man', a magician and diviner of 'great fame throughout the country....reputed to have the power of turning rock into ore, and vice versa.' Hell hath no fury like an expert scorned. The enraged magician did not show his prowess by converting their ore deposits into ore, but led a night attack on the house in which they lived, killing three of the Americans and half a dozen labourers; the house was burnt down. The miners moved temporarily to Bagan Terendah, but soon decided against continuing to mine in such a hostile environment and so 'made their way downstream to Kuala Langat', and thus disappeared (c.1855) from the annals of Selangor.[29]

....

28. *Commercial Tariffs and Regulations and Trade of the Several States of Europe and America, together with Commercial Treaties between England and Foreign Countries, Part XXII, India, Ceylon*

and Other Oriental Countries, HC Papers, Vol 61, 1847-48, Cmd 974, p.734, cited by Wong Lin Ken, *op.cit.*,p.32, for the American prospector. It is not unlikely (but there is no evidence) that Joseph Balestier, American Consul in Singapore 1833-1852, prompted this survey, since he was active in promoting American trade, and in his later years, investment in the region. Sharom Ahmat, 'American Trade with Singapore 1819-1865', JMBRAS 38(2), 1965, and his 'Joseph B. Balestier: The First American Consul In Singapore,' JMBRAS 39(2), 1966. Balestier is quoted by name, on the trade of Malacca. in the paragraph of Cmd. 974 which precedes the reference to the 'American gentleman'. In *medias res* - rushing into the middle of things (from the Latin poet, Horace).

29. Swettenham visited and described the remains of the mine in March 1875. F.A.Swettenham, *Sir Frank Swettenham's Malayan Journals 1874-1876*, edited P.L.Burns and C.D.Cowan, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1975, p.212, entry of 21 March 1875. He reported (in similar terms) what he had seen in his 'Report of Her Britannic Majesty's Acting Assistant Resident at Salangore', dated 8 April 1875, enclosed with SSD 27 April 1875 (printed in Cmd 1320 of 1875). The source of the story of the pawang, Toh Perkasa, and his revenge is from 'Traditions of Ulu Langat', SJ 5, 1896-97, p.307. The initials 'W.S.' at the end of this article identify the author as W.W.Skeat, who had been District Officer, Ulu Langat, in the mid-1890's. Skeat dates the mine as c.1855. There is no direct evidence to link this venture with the prospector's report of a few years before."

(Sumber: J.M. Gullick, 1998: "A History of Selangor 1766-1939", m.s. 39, 45-46).

Sumber Lain

Terdapat sumber yang mengatakan Jabarayun ([Raja Berayun](#)) yang mengetuai pengusiran itu:-

- "Pada tahun 1855, satu lagi pergaduhan besar telah berlaku di Kampung Reko. Menurut ceritanya, berpuluh-puluh orang putih dari Amerika telah membawa 60 hamba abdi berbangsa Negro muncul secara tiba-tiba di Kampung Reko dan memulakan aktiviti perlombongan bijih timah di Sungai Tangkas. Jabarayun sebagai ketua lanun di Kampung Reko merasa tercabar dengan kehadiran tetamu yang tidak diundang itu yang memulakan aktiviti perlombongan tanpa meminta izin dari pembesar-pembesar tempatan. Tanpa menunggu lama, Jabarayun membawa 300 pengikutnya yang bersenjatakan kapak dan beliung menyerang rombongan dari Amerika itu. Apabila diserang oleh Jabarayun dan pengikutnya, orang-orang Amerika itu segera melarikan diri menaiki sampan dari Sungai Tangkas dan hilang entah ke mana. 6 orang Amerika dibunuh dalam serangan ini. Nama gah Jabarayun menjadi semakin terkenal lagi berpengaruh di kalangan pembesar-pembesar Bugis Selangor. (212) - Burns (*The Journals of F.A. Swettenham*)" (Haji Hanafiah Kamal Bahrin Lubis, 23 Ogos 2014:

|

["HORAS ! SEPUTAR DAN BERPUTAR-PUTAR DI JALAN RAJA ALANG,KAJANG,SEL."](#)).

- "Decades before establishment of Kajang Town, Reko/Rekoh/Recko was already an active mining town. In 1850s, a dispute was reported between the American prospector and the local Malays. The Americans fled after some lives were lost. The Mendailing migrants from Sumatra were there much earlier prospecting tin and involved in commercial activities. Their chief was Raja Brayun or Jabrayun who later became the Panglima and bodyguard of Sultan Abdul Samad. Swettenhem visited the town in 1875 and described that it must be the most established town in the area. Reko left no trace of past glory. Few people knows of its existence. The road leading from Kajang to UKM is called Reko Road." (Lee Kim Sin, 29 Julai 2017:

|

["Decades before establishment of Kajang Town, Reko/Rekoh/Recko was already an active](#)

[mining town.](#)").

1857: Permulaan Pemerintahan Sultan Abdul Samad

Setelah mangkatnya Sultan Muhammad (Sultan Selangor) pada tahun 1857, Sultan Abdul Samad telah mengambil alih takhta kerajaan Selangor. Anak Pembesar Lukut ketika itu, Raja Bot bin Raja Jumaat, pernah meriwayatkan suasana ketika itu, menjurus kepada kegiatan tanaman padi tempatan yang merosot secara drastiknya:-

"I remember that the kinds of rice eaten by men in the Malay country were as follows:- (1) Javanese rice, very good in quality, with only a short stem like the present Rangoon rice, only a little smaller. (2) Siamese rice, (3) Rangoon Rice. (4) Rice From Acheen. (5) Rice from Malacca. Those were the five places which produced rice eaten in this country.

